

06 JUN 2002

Hishammuddin-Pendidikan

PEMUDA MAHU PELAJAR BUMIPUTERA DI IPTS SEBANYAK 10 PERATUS

KUALA LUMPUR, 6 Jun (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno mendesak Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) meningkatkan jumlah pengambilan pelajar Bumiputera di institusi masing-masing kepada 10 peratus daripada jumlah keseluruhan pelajar mereka.

Ia bagi mengimbangi keputusan kerajaan memperuntukkan kuota 10 peratus kepada bukan Bumiputera memasuki program matrikulasi dan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM).

Ketua Pemuda Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata ketika ini jumlah pelajar Bumiputera di IPTS tidak lebih daripada lima peratus dan jurang ini perlu dikurangkan.

Peningkatan ini boleh dilakukan sama ada dengan mewujudkan skim biasiswa, kelonggaran atau kesedaran, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Pemuda di sini hari ini.

Beliau berharap isu kuota 10 peratus ini tidak dilihat dari segi emosi, dan ditangani dengan bijak supaya tidak dikatakan menjejaskan kedudukan orang Melayu.

Beliau berkata tahun lepas Pemuda Umno menolak cadangan mewujudkan sistem meritokrasi dalam pengambilan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) kerana tidak mahu kedudukan orang Melayu terjejas.

Bagaimanapun pelaksanaan sistem itu dipersetujui setelah didapati bukan sahaja tidak menggugat kedudukan pelajar Bumiputera, malah kini lebih ramai pelajar Bumiputera yang berjaya melanjutkan pelajaran ke IPTA, katanya.

Hishammuddin berkata Pemuda Umno akan memberi penjelasan mengenai kuota 10 peratus bukan Bumiputera ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan matrikulasi di negeri-negeri dan telahpun dimulakan di Johor pada Konvensyen Pemuda Umno Johor, dan di Terengganu esok.

Berikutan itu Pemuda Umno mahu semua pihak menerima sepenuhnya konsep Sekolah Wawasan bagi memupuk integrasi nasional, yang sama tujuannya dengan keputusan kerajaan membuka kuota untuk pelajar bukan Bumiputera di MRSM dan program matrikulasi.

Sekolah Wawasan ialah konsep menempatkan Sekolah Rendah Kebangsaan, Sekolah Rendah Kebangsaan Jenis Cina dan Sekolah Rendah Kebangsaan Jenis Tamil dalam satu kompleks yang membolehkan para pelajar berkongsi kemudahan seperti padang dan kantin, dengan tujuan menyemai semangat muhibah dari peringkat awal.

Menyentuh perjumpaan Pemuda Umno dengan presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lepas, Hishammuddin berkata banyak isu yang dibincangkan termasuk pendidikan dalam usaha menyediakan pelajar Melayu yang mampu bersaing.

Beliau berkata Pemuda Umno tidak keberatan menambah kelas tuisyen dan bimbingan serta kemungkinan mewujudkan tabung untuk membantu pelajar Melayu yang kurang mampu melanjutkan pelajaran ke IPTS jika keadaan memerlukan.

Mengenai Perhimpunan Agung Pemuda Umno bulan ini, Hishammuddin berkata seramai 690 anggota perwakilan dijadual menghadirinya termasuk 30 anggota Exco.

Sempena perhimpunan itu, Pemuda Umno akan mengadakan Ekspo Usahawan Muda, pameran Misi Bantuan Afghanistan dan juga Program Pemuda Umno Masuk Kampung di Pusat Dagangan Dunia Putra bermula 18 Jun yang akan dirasmikan Perdana Menteri.

-- BERNAMA

HK RZS RON

